

# SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera



## SADAQA HOUSE SALUR SUMBANGAN KEBAJIKAN SOSIOEKONOMI UMMAH

**KUALA LUMPUR, Jumaat, [7 Ogos 2020]:** Bank Islam Malaysia Berhad ("Bank Islam") hari ini mencipta satu lagi impak inisiatif kewangan sosial untuk platform pendanaan awam Sadaqa House Bank Islam di mana melibatkan penyerahan sumbangan kepada dua rakan strategik di kalangan pembuat perubahan ("change-makers") iaitu Mercy Mission Malaysia dan Buku Jalanan Chow Kit (BJCK) serta seorang penerima manfaat terpilih.

Sumbangan tersebut meliputi sebuah van serbaguna kepada sebuah badan bukan bukan kerajaan ("NGO") yang bertindak untuk membantu menyediakan akses pendidikan kepada modal insan yang terpinggir. Van serbaguna berkenaan bakal dimanfaatkan lebih 80 orang warga BJCK dalam menjalankan aktiviti harian mereka.

Selain itu, sumbangan berjumlah hampir RM24,000 disalurkan kepada Mercy Mission Malaysia, sebuah badan NGO yang bermatlamat membantu umat Islam dalam pelbagai bidang khususnya pendidikan. Dengan bantuan dana ini, mereka dapat menjayakan program "Feeding to Educate" yang bertujuan untuk menyediakan bantuan makanan bernutrisi lengkap kepada pelajar-pelajar daripada keluarga yang kurang berkemampuan bagi memastikan mereka mendapat nutrisi yang baik di samping kekal hadir ke sekolah dan tidak tercicir daripada meneruskan pelajaran akibat kesempitan hidup. Jumlah dana RM24,000 ini akan memberi manfaat kepada 40 orang selama setahun.

Pada masa yang sama juga, Sadaqa House menyampaikan bantuan kewangan pengajian tiga tahun kepada Muhammad Fayyadh Haziq Bin Abdul Aziz yang merupakan seorang pelajar cemerlang dalam program Ijazah Sarjana Kejuruteraan dari SEGI College.

Sumbangan tersebut disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam, Mohd Muazzam Mohamed di ibu pejabat Bank Islam, Kuala Lumpur.

Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam, Mohd Muazzam Mohamed berkata, "Sadaqa House berpotensi besar dalam merealisasikan impak yang mampan kepada projek-projek sosial yang kurang mendapat perhatian umum. Dengan model Dana Kekal (Perpetual Fund) di mana sumbangan orang ramai kepada dana ini akan dilaburkan dan ditambah nilai justeru hanya pulangan pelaburan akan digunakan bagi membiayai projek-projek yang dikenal pasti mampu memberi impak positif dan berkekalan kepada kebajikan sosioekonomi ummah secara menyeluruh. Bank Islam amat berterima kasih kepada semua dermawan yang menyumbang dan memberi amanah kepada kami untuk tujuan ini".

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.facebook.com/sadaqahouse](https://www.facebook.com/sadaqahouse)

---

**Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad**

Bank Islam Malaysia Berhad, anak syarikat kepada BIMB Holdings Berhad ditubuhkan pada 1983 sebagai Bank Islam pertama di Malaysia. Sehingga kini, Bank Islam mempunyai 144 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat Malaysia umumnya, Bank Islam menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan berlandaskan Syariah untuk memenuhi keperluan orang Islam dan bukan Islam. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan Bank Islam, sila layari [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com) atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900.

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

Wan Norkhairi Wan Samad Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel: 03-2782 1232 Tel. bimbit: 019-339 4491 Faks: 03-2781 2998 Emel: <a href="mailto:wnorkhairi@bankislam.com.my">wnorkhairi@bankislam.com.my</a> Web: <a href="http://www.bankislam.com">www.bankislam.com</a> .	Omar Atin Penolong Timbalan Presiden Perhubungan Awam Komunikasi Korporat Kumpulan BIMB Holdings Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel.: 03-2781 2943 Tel. bimbit: 019-391 9144 Faks: 03-2781 2998 Emel: <a href="mailto:omar@bimbholdings.com">omar@bimbholdings.com</a> Web: <a href="http://www.bimbholdings.com">www.bimbholdings.com</a>
--	--